Ahli Sunnah vs Teroris

Dr. Azwira Abdul Aziz
Jabatan Pengajian Al-Quran & As-Sunnah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli Sunnah vs Teroris[1]

Dr. Azwira Abdul Aziz

Jabatan Pengajian Al-Quran & As-Sunnah

Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Perkataan *sunnah* dari segi bahasa, berasal daripada kata kerja *sanna – yasunnu – sunnatan*, yang bermaksud kelakuan atau tindak tanduk, sama ada baik atau buruk. Dari segi istilah syara[c], ia diertikan sebagai segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. untuk disyariatkan kepada sekelian umatnya.

Istilah *sunnah* adalah lawan bagi istilah *bid[c]ah*. Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "...Maka hendaklah kamu berpegang dengan **sunnah**ku dan sunnah Khulafa' Rashidin Mahdiyyin, gigitlah ia (sekuat hati) dengan gigi geraham, dan hendaklah kamu jauhi perkara yang diada-adakan (dalam urusan agama) kerana ia adalah **bid[c]ah** sedangkan setiap bid'ah itu adalah sesat"[2].

Istilah *Ahli Sunnah* bermaksud para pengikut Sunnah Nabi s.a.w. Istilah ini mula diguna di zaman Sahabat r.a. setelah berlaku 'fitnah' yang melahirkan pelbagai aliran sesat seperti Syiah dan Khawarij. Muhammad Ibn Sīrin (110 H) berkata (maksudnya): "Mereka (para Sahabat r.a.) tidak pernah usul periksa tentang *sanad* (hadith), tetapi tatkala berlakunya fitnah, mereka berkata: "beritahu kami siapakah para periwayat kamu?". Maka diperhatikan kepada ***ahli sunnah*** lalu diambil hadith (riwayat) mereka, dan diperhatikan pula kepada ***ahli bid[c]ah*** lalu tidak diambil hadith (riwayat) mereka". (Muslim, 1:15).

Kata-kata Ibn Sīrin ini menunjukkan permulaan penggunaan istilah *Ahli Sunnah*, sebagai gelaran bagi golongan yang mengikut sunnah Nabi s.a.w. Demikian juga ia menunjukkan permulaan penggunaan istilah *Ahli Bid[c]ah*, sebagai gelaran terhadap puak-puak yang menyalahi *sunnah* Nabi s.a.w. Fitnah yang berlaku di zaman Sahabat r.a. meninggalkan kesan yang amat besar terhadap perkembangan ilmu dan perbezaan aliran pemikiran umat Islam.

---

[1] Kertas dibentang dalam Seminar Islam Anti Terrorisma, pada 28 Mac 2010, di Kuala Lumpur International Hotel, Kuala Lumpur.

[2] Abu Daud, No:4607, At-Tirmizi, No: 2510 dan Ibn Majah, No: 4036. Dinilai sahih oleh Albani, dalam *Silsilah As-Sahihah*, Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, 1996, 6: 526, No: 2735.

Kewajipan Membela *Sunnah*

Sunnah adalah huraian dan orientasi ajaran Islam hakiki, yang dibawa oleh Nabi s.a.w. untuk menyelamatkan umat manusia daripada kesesatan. Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya, iaitu Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnahku"[3]. Imam Syafie (204 H) berkata (maksudnya): "Usul (Syariat) itu ialah Al-Quran atau Sunnah, jika tidak ada (dalam kedua-duanya), maka (hendaklah) diqiaskan kepada kedua-duanya"[4].

Ikutan terhadap *sunnah* beerti ikutan terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. Allah S.W.T. memerintahkan kita supaya ikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana firmanNya (maksudnya): "...Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimat-Nya dan **ikutilah** dia, supaya kamu mendapat hidayah petunjuk". (al-A^c^raf, 7:158).

Ibn ^c^Abbas r.a. berkata: (maksudnya): "Kamu wajib bertaqwa kepada Allah S.W.T. dan beristiqamah, **ikutlah** (sunnah) dan jangan mengada- adakan bid'ah"[5].

Imam Syafie berkata (maksudnya): "Dan wajib ke atas kamu solat jumaat, bersatu-padu, ikut sunnah, beriman dan belajar agama"[6].

Perintah supaya mengikut sunnah difahami sebagai tuntutan wajib. Justeru, segala usaha untuk membela dan menghidupkan sunnah itu juga dilihat sebagai suatu kewajipan. Kerana usaha menghidupkan sunnah itu adalah *wasilah* (jalan) untuk sampai kepada *ghayah* (matlamat) pengabdian kepada Allah S.W.T. Kaedah usul telah menetapkan bahawa *Ma La Yatim Al-Wajib Illa Bihi Fahuwa Wajib* (maksudnya): "Perkara yang tidak sempurna perkara wajib melainkan dengannya, maka ia juga adalah wajib"[7].

Ibn Taimiyyah (728 H) berkata (maksudnya): "Maka wajib ke atas setiap individu mencurahkan segala usaha dan tenaga untuk mengetahui apa yang dibawa olehnya (Rasulullah s.a.w.) serta mematuhinya, kerana inilah saja jalan pelepasan daripada azab yang pedih dan juga jalan kejayaan bagi mendapat nikmat syurga"[8].

---

[3] Malik, No: 1727. Dinilai *masyhur* oleh Ibn ^c^Abd Al-Barr Al-Qurtubi dan dinilai *hasan* oleh Albani, lihat: *Ad-Durar As-Saniyyah*. atas talian: http://www.dorar.net./mhadith.asp.

[4] Az-Zahabi, Muhd. Ibn Ahmad, *Siyar A^c^lam An-Nubala'*, Muassasah ar-Risalah, Beirut, 1992, 10:21.

[5] Ad-Darimi, ^c^Abd Allah Ibn ^c^Abd Ar-Rahman, *Sunan Ad-Darimi*, Dar Al-Kitab Al-^c^Arabi, Beirut, Lubnan, 1987, No: 139.

[6] Muhammadd Ibn Idris As-Shafie, *Wasiyyat al-Imam ash-Shafie*, tahqiq: Sa^c^d al-Din Ibn Muhammad Al-Kabbi, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1994, hal: 48.

[7] Wahbah Az-Zuhaili, *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Dar Al-Fikr, Damsyik, Syria, 1986, 2: 67-71.

[8] Ibn Taimiyyah, Taqiyyuddin, Abu Al-Abbas, Ahmad Ibn Abdul Halim Ibn Abdul Salam Ibn Taimiyyah al-Harrani, *Majmu^c^ Fatawa Ibn Taimiyyah*, Terbitan Kerajaan Arab Saudi, 1398 H, 1:5-6.

Prinsip Dakwah *Ahli Sunnah*

Prinsip utama *Ahli Sunnah* ialah berpegang dengan al-Quran dan Sunnah mengikut kefahaman ulama muktabar. Daripada prinsip utama ini terurai pelbagai prinsip lain yang menjadi asas bagi pegangan *Ahli Sunnah* secara keseluruhannya.

Dalam konteks dakwah, antara prinsip yang dipegang oleh *Ahli Sunnah* ialah menjunjung tanggungjawab *amar makruf nahi mungkar* (suruhan kepada kebaikan dan cegahan daripada kemungkaran). Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar, dan merekalah orang-orang yang beruntung". (Ali ᶜImran, 3:104).

Mengabaikan kewajipan *amar makruf nahi mungkar* adalah sejenis dosa besar yang boleh mengundang laknat. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Telah dilaknat orang kafir dari Bani Israel dengan lisan Daud dan ᶜIsa putera Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka durhaka dan melampaui batas. Mereka selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka perbuat antara satu sama lain. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu".(al-Maidah: 78-79).

Namun, dalam melaksanakan kewajipan ini *Ahli Sunnah* beriltizam pula dengan satu lagi prinsip yang dikehendaki oleh Islam, iaitu menjaga kesatuan umat dan mengelak perpecahan[9]. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai..." (Ali ᶜImran, 3:103). Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "Perpaduan itu satu rahmat manakala perpecahan itu satu azab"[10].

Ibn Taimiyyah berkata (maksudnya): "Antara jenis suruhan kepada kebaikan ialah mengajak kepada jalinan ikatan dan kesatuan serta melarang daripada perselisihan dan perpecahan"[11].

Muhammad bin Abdul Wahab (1115-1206 H / 1703-1792 M) pula berkata (maksudnya): "...Sesiapa yang memegang jawatan Khalifah manakala orang ramai pula bersepakat untuk (membaiᶜah) nya serta reda dengannya, sedangkan dia menguasai mereka dengan kekerasannya sehingga dia menjadi Khalifah, maka wajib mentaatinya dan haram keluar menentangnya..."[12].

---

[9] Muhd. Abdul Hadi al-Masri, *Ahl As-Sunnah Wa Al-Jamaah, Maaᶜlim al-Intilaqah al-Kubra*, Dar Taibah, Riyadh, Arab Saudi, hal: 80-81.

[10] Musnad Ahmad, no: 18408, dinilai hasan oleh Az-Zarqani dan Albani.

[11] Ibn Taimiyyah, Taqiyyuddin, Abu Al-Abbas, Ahmad Ibn Abdul Halim Ibn Abdul Salam Ibn Taimiyyah al-Harrani, *Majmuᶜ Fatawa Ibn Taimiyyah*, Terbitan Kerajaan Arab Saudi, 1398 H, 3: 421-422.

[12] Muhammad Ibn ᶜAbd Al-Wahhab, *Muallafat Sheikh Al-Imam Muhammad Ibn ᶜAbd Al-Wahhab*, Tahqiq: ᶜAbd Al-ᶜAziz Zaid Ar-Rumi, Dr. Muhammad Baltaji, Dr. Sayyid Hijab, Jamiᶜah Al-Imam Ibn Saᶜud, Riyadh, Arab Saudi, t.th, 5:11.

Ciri-Ciri Dakwah *Ahli Sunnah*

Konsep *amar makruf nahi mungkar* telah dihurai secara terperinci oleh nas-nas al-Quran dan Sunnah. Namun hakikatnya, ramai yang gagal menghayatinya, sehingga tersasar ke arah dua bentuk aliran melampau. Pertama, aliran yang mengabaikan tanggung jawab ini sehingga tidak mempedulikannya langsung. Kedua, aliran yang terlalu bersemangat sehingga melepasi sempadan syariat. Kedua-dua aliran melampau ini berpotensi menimbulkan kesan buruk yang menggerunkan (terror).

Jika aliran pertama itu boleh mengundang laknat dan kemurkaan daripada Allah S.W.T., maka aliran kedua pula boleh menggugat dan memusnahkan keamanan hidup masyarakat. Pengikut kedua-dua aliran melampau ini terseleweng daripada ajaran Islam sebenar, kerana mereka berpegang dengan nas tanpa kefahaman yang betul.

Pendekatan *Ahli Sunnah* adalah pendekatan pertengahan yang terletak antara dua bentuk penyelewengan ini. Dakwah *Ahli Sunnah* bercirikan kesederhanaan. Golongan *Ahli Sunnah* tidak sewenang-wenang menghalalkan sebarang pendekatan, kerana dakwah Islam tidak terbina di atas dasar 'tujuan menghalalkan cara'.

Ciri-ciri kesederhanaan dalam pendekatan dakwah *Ahli Sunnah* terletak pada kepatuhan mereka terhadap garis panduan syariat. Garis panduan itu dihurai oleh para ulama muktabar berdasarkan kefahaman terhadap nas-nas syara'. Antara garis panduan tersebut ialah:

1) Melaksanakan kewajipan dakwah mengikut kadar kemampuan. Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "Sesiapa yang melihat sesuatu kemungkaran di kalangan kamu, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak mampu, maka hendaklah dia mengubah dengan lidahnya, jika tidak mampu, maka hendaklah dia mengubah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman dan tidak ada lagi selepas itu iman walau sebesar biji sawi". (Muslim, 1:69, No: 49).

2) Berdakwah berdasarkan ilmu. Yakni mengetahui hakikat ma[c]ruf atau mungkarnya sesuatu perkara berdasarkan nas dan kaedah syara[c] (bukan berdasarkan perasaan dan andaian). Manakala sasaran dakwah itu pula mesti dihujahi dan difahamkan dengan jelas terlebih dahulu tentang hakikat kemungkaran yang telah dilakukannya. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Katakanlah (wahai Muhammad) Inilah jalan (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan **hujjah yang nyata** (ilmu), Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang yang musyrik".(Yusuf: 12:108).

Ibn Taimiyyah berkata (maksudnya): "...Maka mesti ada ilmu tentang perkara ma^{c}ruf dan mungkar dan mesti juga ada ilmu tentang keadaan sasaran dakwah yang hendak didakwah atau ditegahkan itu"[13].

3) Pendekatan berhemah. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Serulah kepada jalan tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik...".(an-Nahl, 16:125).

Dia juga berfirman (maksudnya): "Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan, Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antara mu dengan dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia". (Fussilat, 41:34).

Dia juga berfirman (maksudnya): "Hai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan oleh Allah". (Luqman, 31:17).

Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "Tiada kesantunan pada sesuatu perkara melainkan ia mencantikkannya dan tiada keganasan pada sesuatu perkara melainkan ia menghodohkannya. Sesungguhnya Allah itu Maha Santun dan suka kepada kesantunan, Dia menganugerahkan kepada yang santun apa yang Dia tidak anugerahkan kepada yang ganas". (Muslim, No: 2593 & 2594).

Pendekatan berhemah menggabungkan tiga perkara, iaitu: keilmuan, kesantunan dan kesabaran. Ibn Taimiyyah berkata (maksudnya): "...Maka mesti ada tiga perkara ini...ilmu itu (diperlukan) sebelum memulakan *amar makruf nahi mungkar*, kesantunan itu (diperlukan) ketika melaksanakannya, manakala kesabaran itu (diperlukan) selepas melaksanakannya"[14].

4) Berlaku adil terhadap sasaran dakwah. Teguran yang dibuat mestilah setakat kemungkaran yang dilakukan sahaja, tanpa menafikan semua kebaikan lain yang dilakukannya. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Dan janganlah sekali-kali kebencianmu kepada sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana ia (sifat adil) adalah lebih dekat kepada taqwa".(al-Maidah, 4:8).

Dia juga berfirman (maksudnya): " Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas. (al-Baqarah, 2:190).

Selepas memetik ayat ini, Ibn Taimiyyah berkata (maksudnya): "Sesungguhnya ramai dari kalangan para penyeru kebaikan dan pencegah kemunkaran yang telah melanggar

[13] Ibn Taimiyyah, Taqiyyuddin, Abu Al-Abbas, Ahmad Ibn Abdul Halim Ibn Abdul Salam Ibn Taimiyyah al-Harrani, *Majmu^{c} Fatawa Ibn Taimiyyah*, Terbitan Kerajaan Arab Saudi, 1398 H, 28: 136.

[14] Ibid, 28: 137.

sempadan-sempadan Allah S.W.T., sama ada kerana jahil atau kerana zalim. Ini adalah satu bab yang wajib berpendirian tetap padanya, (tak kira) sama ada pencegahan itu terhadap orang kafir, munafiq, fasiq atau pembuat maksiat"[15].

Kata Sheikh Ali al-Halabi: "Allahu Akbar! Alangkah agongnya agama ini, beginilah keadilan, beginilah kesamarataan dan beginilah keinsafan, hinggakan terhadap para penentang yang jahat dan fasik"[16].

5) Mengelak kemudaratan yang lebih besar. Sama ada kemudaratan itu dalam bentuk menambahkan lagi kemungkaran atau mengurangkan kebaikan yang sedia ada. Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Dan janganlah kamu memaki sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan".(al-An[c]am, 6:108).

Prinsip mengelak kemudaratan yang lebih besar ini sejajar dengan beberapa kaedah fiqh yang telah digariskan oleh para fuqaha, seperti *La Darar Wa la Dirar*, *Ad-Darar Yuzal*, *Yutahammal ad-Darar al-Khas Li Daf[c]i ad-Darar al-[c]Am*, *ad-Darar al-Ashadd Yuzal Bi ad-Darar al-Akhaff*, *Iza Ta[c]arad Mafsadatan Ru[c]iya A[c]zamuhuma Dararan*, *Yukhtar Ahwan Ash-Sharrain* dan *Dar' al-Mafasid Aula Min Jalb al-Masalih*[17].

Mengukur kesan baik dan buruk memerlukan tahap kebijaksanaan, kewaspadaan dan kepekaan yang amat tinggi. Kesan yang berlaku akibat sesuatu tindakan perlu dilihat dari pelbagai aspek. Jika kesan buruk dijangkakan lebih besar daripada kesan baik, maka kerja tersebut tidak wajar malah haram dilaksanakan.

Kata Ibn Taimiyyah (maksudnya): "Bila kebaikan bertembung atau bersaing dengan keburukan, maka wajib *tarjih* (pilih) yang *rajih* (lebih kuat). Jika *amar makruf nahi mungkar* itu bertujuan untuk menghasilkan kebaikan atau menolak keburukan, maka mesti lihat pada (kesan) sebaliknya. Jika (kesannya) lebih banyak menghilangkan kebaikan atau lebih banyak menghasilkan kemusnahan, (maka) ia bukan perkara yang disuruh (oleh syariat), bahkan diharamkan…"[18].

Ibn Qayyim al-Jauziyyah (751 H) berkata (maksudnya): "Mencegah kemungkaran itu ada empat tahap: **Pertama,** kemungkaran dapat dihapuskan dan diganti dengan kebaikan. **Kedua**, kemungkaran dapat dikurangkan meskipun tidak dapat dihapuskan kesemuanya. **Ketiga**, kemungkaran dapat dihapuskan tetapi diganti dengan kemungkaran lain yang setaraf dengannya. **Keempat**, kemungkaran itu diganti dengan kemungkaran

---

[15] Ibid, 14:481-482.

[16] [c]Ali Ibn Hasan Ibn [c]Ali Ibn [c]Abd al-Hamid al-Halabi, *Dawabit al-Amr Bi al-Ma[c]ruf Wa an-Nahy [c]An al-Munkar [c]Inda Sheikh al-Islam Ibn Taimiyyah,* Amman, Jordan, al-Asalah Li an-Nashr Wa at-Tauzi[c], 1994, hal: 34.

[17] Ahmad Ibn Muhd Az-Zarqa', *Sharh Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*, Dar Al-Qalam, Damsyik, Syria, 1998, hal: 173-206.

[18] Ibn Taimiyyah, Taqiyyuddin, Abu Al-Abbas, Ahmad Ibn Abdul Halim Ibn Abdul Salam Ibn Taimiyyah al-Harrani, *Majmu[c] Fatawa Ibn Taimiyyah*, Terbitan Kerajaan Arab Saudi, 1398 H, 28:129.

yang lebih besar. Ada pun tahap pertama dan kedua, maka keduanya adalah masyru^{c}, yang ketiga bergantung kepada ijtihad. Manakala yang keempat adalah haram"[19].

Demikianlah ciri-ciri dakwah yang membezakan *Ahli Sunnah* daripada ahli bidah. Sesiapa yang ada ciri-ciri ini tidak akan sekali-kali melakukan keganasan, kerana keganasan itu sendiri menyalahi sunnah. Persoalannya, apakah itu keganasan?

Definisi *Terrorism* (Keganasan)

Istilah *terrorism* berasal dari perkataan *terror* yang bermaksud: 1) Ketakutan yang amat sangat, 2) Orang atau benda yang menakutkan, 3) Budak yang sangat nakal atau binatang yang sukar dikawal, dan 4) keganasan[20]. Beberapa kamus Inggeris mengemukakan beberapa definisi yang berbeza terhadap istilah *terrorism*, antaranya:

a) The use of violence and threats to intimidate or coerce, esp. for political purposes[21].

b) The state of fear and submission produced by terrorism or terrorization[22].

c) A terroristic method of governing or of resisting a government[23].

d) Systematic use of terror as a policy, in specific sense of government intimidation during the Reign of Terror in France" (1793-1794)[24].

e) The unlawful use or threatened use of force or violence by a person or an organized group against people or property with the intention of intimidating or coercing societies or governments, often for ideological or political reasons[25].

f) The unlawful use or threat of violence esp. against the state or the public as a politically motivated means of attack or coercion[26].

g) Violent and intimidating gang activity[27].

---

[19] Muhammad Ibn Abi Bakr Az-Zar^{c}iyy, *I^{c}lam al-Muwaqqi^{c}in ^{c}An Rabb al-^{c}Alamin*, Dar al-Jil, Beirut, 1973, 3:4-5.

[20] Miranda Steel, *New Oxford Dictionary*, Fajar Bakti, 2006, hal: 803.

[21] Random House Dictionary © Random House Inc. 2010, atas talian: http://dictionary.reference.com/browse/terrorism.

[22] Ibid.

[23] Ibid.

[24] Online Etymology Dictionary,© Douglas Harper, atas talian yang sama.

[25] The American Heritage Dictionary of the English Language, Fourth Edition. (Atas talian yang sama).

[26] Merriam-Webster's Dictionary of Law, © 1996, Merriam Webster Inc, atas talian yang sama.

[27] Ibid.

h) Acts of violence committed by groups that view themselves as victimized by some notable historical wrong.[28].

Definisi Pihak Berkuasa Barat

1) Pada tahun 1974 kerajaan British mentakrifkannya sebagai: "The use of violence for political ends, and includes any use of violence for the purpose of putting the public or any section of the public, in fear" [29].

2) Pada tahun 1992 PBB mentakrifkannya sebagai: "An anxiety-inspiring method of repeated violent action, employed by (semi-) clandestine individual, group or state actors, for idiosyncratic, criminal or political reasons, whereby - in contrast to assassination – the direct targets of violence are not the main targets"[30].

3) Jabatan Pertahanan A. Syarikat mentakrifkannya sebagai: "The calculated use of unlawful violence or threat of unlawful violence to inculcate fear intended to coerce or to intimidate governments or societies in the pursuit of goals that are generally political, religious, or ideological"[31].

4) Pihak FBI mentakrifkannya sebagai: "The unlawful use of force and violence against persons or property to intimidate or coerce a government, the civilian population or any segment thereof, in furtherance of political or social objectives"[32].

5) Jabatan Negara A.Syarikat pula mentakrifkannya sebagai: "Premeditated politically-motivated violence perpetrated against non-combatants targets by sub-national groups or clandestine agents, usually intended to influence an audience"[33].

---

[28] The American Heritage ® New Dictionary of Cultural Literacy, Third Edition, atas talian yang sama.

[29] Lihat talian: http://www.terrorism-researh.com/

[30] Ibid.

[31] Ibid.

[32] Ibid.

[33] Ibid.

Definisi Ahli Akademik Dan Pengamal Undang-Undang[34]

Date	Name	Definition and notes
1987	L. Ali Khan	"Terrorism sprouts from the existence of aggrieved groups. These aggrieved groups share two essential characteristics: they have specific political objectives, and they believe that violence is an inevitable means to achieve their political ends. The political dimension of terrorist violence is the key factor that distinguishes it from other crimes."
1988	Schmid and Jongman	"Terrorism is an anxiety-inspiring method of repeated violent action, employed by (semi-)clandestine individual, group, or state actors, for idiosyncratic, criminal, or political reasons, whereby—in contrast to assassination—the direct targets of violence are not the main targets. The immediate human victims of violence are generally chosen randomly (targets of opportunity) or selectively (representative or symbolic targets) from a target population, and serve as message generators. Threat- and violence-based communication processes between terrorist (organization), (imperiled) victims, and main targets are use to manipulate the main target (audience(s), turning it into a target of terror, a target of demands, or a target of attention, depending on whether intimidation, coercion, or propaganda is primarily sought".
1989	Jack Gibbs	"Terrorism is illegal violence or threatened violence directed against human or nonhuman objects, provided that it: (1) was undertaken or ordered with a view to altering or maintaining at least one putative norm in at least one particular territorial unit or population: (2) had secretive, furtive, and/or clandestine features that were expected by the participants to conceal their personal identity and/or their future location; (3) was not undertaken or ordered to further the permanent defense of some area; (4) was not conventional warfare and because of their concealed personal identity, concealment of their future location, their threats, and/or their spatial mobility, the participants perceived themselves as less vulnerable to conventional military action; and (5) was perceived by the participants as contributing to the normative goal previously described (supra) by inculcating fear of violence in persons (perhaps an indefinite category of

[34] http://en.wikipedia.org/wiki/Islamic_terrorism.

		them) other than the immediate target of the actual or threatened violence and/or by publicizing some cause."
1992	Alex P. Schmid	short legal definition proposed to the United Nations Office on Drugs and Crime: "Act of Terrorism = Peacetime Equivalent of War Crime".
1997	Rosalyn Higgins	Judge at theInternational Court of Justice, "Terrorism is a term without any legal significance. It is merely a convenient way of alluding to activities, whether of States or of individuals widely disapproved of and in which wither the methods used are unlawful, or the targets protected or both".
2002	Walter Laqueur	"Terrorism constitutes the illegitimate use of force to achieve a political objective when innocent people are targeted".
2002	James M. Poland	"Terrorism is the premeditated, deliberate, systematic murder, mayhem, and threatening of the innocent to create fear and intimidation in order to gain a political or tactical advantage, usually to influence an audience".
2004	M. Cherif Bassiouni	"'Terrorism' has never been defined..."
2004	Bruce Hoffman	By distinguishing terrorists from other types of criminals and terrorism from other forms of crime, we come to appreciate that terrorism is : • ineluctably political in aims and motives • violent -- or, equally important, threatens violence • designed to have far-reaching psychological repercussions beyond the immediate victim or target • conducted by an organization with an identifiable chain of command or conspiratorial cell structure (whose members wear no uniform or identifying insignia) and • perpetrated by a subnational group or non-state entity. We may therefore now attempt to define terrorism as the deliberate creation and exploitation of fear through violence or the threat of violence in the pursuit of political change. All terrorist acts involve violence or the threat of violence. Terrorism is specifically designed to have far-reaching psychological effects beyond the immediate victim(s) or object of the terrorist attack. It is meant to instil fear within, and thereby intimidate, a

		wider `target audience' that might include a rival ethnic or religious group, an entire country, a national government or political party, or public opinion in general. Terrorism is designed to create power where there is none or to consolidate power where there is very little. Through the publicity generated by their violence, terrorists seek to obtain the leverage, influence and power they otherwise lack to effect political change on either a local or an international scale.
2004	David Rodin	"Terrorism is the deliberate, negligent, or reckless use of force against noncombatants, by state or nonstate actors for ideological ends and in the absence of a substantively just legal process."
2005	Boaz Ganor	"Terrorism is the deliberate use of violence aimed against civilians in order to achieve political ends"
2007	Daniel D. Novotny	"An act is terrorist if and only if (1) it is committed by an individual or group of individuals privately, i.e. without the legitimate authority of a recognized state; (2) it is directed indiscriminately against non-combatants; (3) the goal of it is to achieve something politically relevant; (4) this goal is pursued by means of fear-provoking violence."
2008	Carsten Bockstette	"Terrorism is defined as political violence in an asymmetrical conflict that is designed to induce terror and psychic fear (sometimes indiscriminate) through the violent victimization and destruction of noncombatant targets (sometimes iconic symbols). Such acts are meant to send a message from an illicit clandestine organization. The purpose of terrorism is to exploit the media in order to achieve maximum attainable publicity as an amplifying force multiplier in order to influence the targeted audience(s) in order to reach short- and midterm political goals and/or desired long-term end states."
2008	Darul Uloom Deoband	Anti-Terrorism Conference: Any action that targets innocents, whether by an individual or by any government and its agencies or by a private organisation anywhere in the world constitutes, according to Islam, an act of terrorism.
2008	Tamar Meisels	advocates a consistent and strict definition of terrorism, which she defines as "the intentional random murder of defenseless non-combatants, with the intent of instilling fear of mortal danger amidst a civilian population as a strategy designed to advance political ends."

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa istilah *terrorism* secara nisbinya agak sukar ditakrifkan, justeru agensi-agensi barat yang berbeza kepentingan dan fungsinya telah menggunakan definisi yang berbeza. Faktor kepelbagaian definisi ini kembali kepada perbezaan citarasa, sentimen, kepentingan, fungsi serta ideologi pihak yang membuat definisi itu.

Walau pun berbeza, namun hakikatnya definisi-definisi itu sepakat untuk tidak mengaitkan mana-mana agama dengan istilah *terrorism*. Justeru, Seminar Antarabangsa Membenteras Keganasan[35] yang diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada 5-8 Februari 2005, telah menuntaskan satu deklarasi yang dikenali sebagai 'Deklarasi Riyadh'. Kandungan deklarasi itu antara lain menyebut (maksudnya):

> "Bahawa *al-irhab* (keganasan) itu tiada kaitan dengan mana-mana agama, bangsa, kewarganegaraan atau kawasan geografi. Bahawa sebarang usaha untuk mengaitkan aktiviti keganasan dengan agama tertentu akan membantu menambahkan lagi sokongan terhadap para pengganas. Justeru, terdapat keperluan untuk melarang tohmahan ke atas mana-mana agama, juga keperluan untuk menyediakan suasana persefahaman dan kerjasama, berasaskan prinsip yang disepakati oleh negara-negara yang berbeza ideologi"[36].

Pandangan Ahli Sunnah Terhadap Terrorism

Perkataan *terrorism* diguna dalam bahasa Arab dengan maksud *irhab*. Perkataan *irhab* adalah kata terbitan bagi kata kerja *arhaba - yurhibu - irhab*, yang bermaksud: menakutkan[37]. Ia berasal dari kata kerja *rahaba/rahiba – yarhabu – rahban*, yang bermaksud: takut[38].

Dalam konteks pengabdian kepada Allah S.W.T., perasaan takut adalah sejenis ibadat hati yang sangat dituntut, sebagaimana firmanNya (maksudnya): "...Maka hendaklah kepada-Ku saja kamu takut". (al-Baqarah, 2:51).

Perkataan *irhab* menurut istilah syara[c] terbahagi kepada dua pengertian. Pertama, *irhab* terpuji (baik) dan kedua, *irhab* keji (jahat).

Irhab terpuji ialah usaha mempersiap dan melengkapkan kekuatan ketenteraan untuk menggerunkan musuh. Persiapan itu bukan bertujuan untuk menyerang sesuka hati, tetapi untuk mempertahankan diri jika diserang atau dikhianati. *Irhab* jenis ini adalah satu kewajipan.

---

[35] Dihadiri oleh wakil-wakil dari lebih 60 buah Negara, termasuk Malaysia.

[36] Counter-Terrorism International Conference (CTIC), *Main Report*, hal: 9. Atas talian: http://www.ctic.org.sa/anti_terror_ar.asp.

[37] Al-Fairuzabadi, Muhammad Ibn Ya[c]kub, *Al-Qamus Al-Muhit*, Muassasah Ar-Risalah, Beirut, Lubnan, 1987, hal: 118.

[38] Ibid.

Allah S.W.T. berfirman (maksudnya): "Dan persiapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu mampu dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggerunkan musuh Allah dan musuhmu dan orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya...". (al-Anfal, 8:60).

Menjelaskan maksud ayat ini, Ibn Jarir at-Tabari (310 H) berkata (maksudnya): "Wahai orang beriman! buatlah persediaan setakat kemampuan kamu untuk menghadapi mereka yang tidak beriman, yang ada perjanjian dengan kamu, jika kamu bimbang kemungkinan mereka khianat dan mungkir janji"[39].

Ayat ini menunjukkan kewajipan ke atas umat Islam membuat persediaan dari segi kekuatan ketenteraan supaya mereka digeruni oleh musuh yang cuba menggugat keamanan. Nabi s.a.w. bersabda (maksudnya): "Aku dimenangkan (oleh Allah S.W.T.) dengan kegerunan dari jarak sejauh sebulan perjalanan". (al-Bukhari, No: 328).

Manakala *Irhab* keji pula ialah menggugat keamanan awam, melalui tindakan yang menyalahi syariat Islam, oleh individu, kumpulan maupun kerajaan. *Irhab* jenis ini adalah haram dan termasuk dalam jenis dosa besar. Sebarang tindakan yang menyalahi syariat Islam secara nisbinya adalah sejenis keganasan.

Pembunuhan Khalifah Umar r.a. oleh Abu Lu'lu'ah al-Majusi adalah antara gambaran *irhab* keji terawal dalam sejarah Islam. Demikian juga pembunuhan Khalifah Uthman r.a. oleh Kinanah at-Tujibi dan pembunuhan Khalifah Ali r.a. oleh Ibn Muljim juga adalah jenis *irhab* yang terkeji.

Tindakan ganas tercetus akibat pemikiran ganas. Keganasan para pembunuh Khalifah berpunca dari bidah pemikiran mereka yang ganas. Sebahagian ulama menamakan bidah pemikiran itu *irhab fikri* (keganasan pemikiran) [40]. *Irhab fikri* dilihat sebagai lebih merbahaya daripada *irhab hissi* (keganasan fizikal), kerana *irhab hissi* itu didorong oleh *irhab fikri*.

Semua jenis pemikiran bidah yang mendorong kepada amalan bidah adalah jenis *irhab fikri*. Justeru, langkah untuk membenteras keganasan harus bermula dengan usaha membenteras bidah pemikiran terlebih dahulu.

---

[39] Muhd Ibn Jarir at-Tabari, *Jami^c al-Bayan ^can Ta'wil Ayi al-Quran*, Dar al-Fikr, Beirut, 1984, 6:29.

[40] Zaid Ibn Muhammad Ibn Hadi al-Madkhali, *Al-Irhab Wa Atharuhu ^cAla Al-Afrad Wa Al-Umam*, Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, Jeddah, Arab Saudi, 1418 H (2004), hal: 26.

Siapakah Teroris Sebenar?

Pada hari ini, istilah teroris telah dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan tertentu dari kalangan umat Islam[41]. Jabatan Negara A.Syarikat telah menyenaraikan sebanyak 24 kumpulan dalam senarai pengganas luar Negara mereka[42]. Kumpulan-kumpulan itu ialah seperti Al-Qaeda, Palestinian Islamic Jihad (Palestin), Moro Islamic Liberation Front (Filipina), Jemaah Islamiyah Indonesia, Egyptian Islamic Jihad dan Jamaat Ansar al-Sunna (Iraq).

Apa pun nama kumpulan-kumpulan itu, ia tiada kaitan dengan *Ahli Sunnah* jika tindakan mereka menyalahi garis panduan sunnah. Demikian pula sebaliknya, jika tindakan mereka menepati sunnah, maka mereka bukan pengganas, kerana Nabi Muhammad s.a.w. juga bukan pengganas. Orang yang betul-betul ikut sunnah tidak akan sekali-kali menjadi pengganas, kerana keganasan itu menyalahi sunnah.

Justeru, mengaitkan *Ahli Sunnah* dengan keganasan adalah suatu bentuk fitnah yang zalim. Kerana yang betul-betul berbakat untuk menjadi pengganas bukan *Ahli Sunnah*, tetapi ahli bidah yang tidak mahu ikut sunnah. Wallahua[c]lam.

Dari awal sampai ke akhir
Salak madu saya kupaskan
Singa bersoal Pelanduk berfikir
Harap dapat hidayah Tuhan

---

[41] Lihat artikel: *Islamic Terrorism*, atas talian: http://en.wikipedia.org/wiki/Islamic_terrorism.
[42] Ibid.